

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

NAMA

KELAS



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU
Kertas 1

1103/1

2 jam

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan*

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

1103/1@2025 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

{Lihat halaman sebelah

1103/1

SULIT

Bahagian A


[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan amalan membaca.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Industri pelancongan memainkan peranan besar untuk kemajuan sesebuah negara. Namun begitu, COVID-19 menyebabkan industri pelancongan terjejas teruk. Pelbagai pendekatan harus diambil bagi memastikan sektor ini terus berkembang. Oleh itu, galakkan masyarakat melancong di dalam negara, tingkatkan kemudahan awam dan kempen berterusan haruslah dilaksanakan bagi membawa industri pelancongan negara ke tahap yang lebih baik.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan langkah-langkah memajukan industri tersebut.

2.

Kesihatan diri ialah aspek yang penting dalam kehidupan manusia. Jika kesihatan tidak dijaga akan menyebabkan pelbagai implikasi negatif. Amalan penjagaan kesihatan diri yang baik mampu menghindari penyakit, meningkatkan keyakinan diri dan mendisiplinkan diri.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah rencana tentang kelebihan-kelebihan amalan tersebut.

3.

Gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid semakin membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Gejala ini masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Hal ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa, guru dan masyarakat. Masalah ini akan menjejaskan peratus kehadiran murid.

Sumber: Internet

Selain kesan yang dinyatakan di atas, huraikan kesan-kesan lain masalah tersebut.

4.

Sektor pertanian merupakan penyumbang kepada pendapatan negara. Hasil bumi seperti getah, kelapa sawit, koko, nanas, dan lain-lain menjadi bahan komoditi eksport negara yang penting. Namun begitu, bidang ini kurang diceburi oleh golongan muda. Hanya 15 peratus daripada 1.4 juta belia di negara ini terlibat dalam bidang pertanian. Hal ini membuktikan penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian masih rendah.

Sumber : <https://www.utusan.com.my>

Sebagai respons kepada petikan di atas, jelaskan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT